

Sirim lantik Khairol Anuar sebagai pengerusi baharu



Bernama

23/05/2023 | 12:13 MYT



Dapatkan keputusan rasmi dan tidak rasmi terkini PRN Sabah
➤ pru.astroawani.com



Khairol Anuar merupakan jurutera profesional bertauliah oleh Lembaga Jurutera Malaysia dan turut memegang jawatan ahli Lembaga Penasihat Digital Perak Corporation Bhd.

KUALA LUMPUR: Sirim Bhd melantik Datuk Khairol Anuar Mohamad Tawi sebagai pengerusinya yang baharu bagi tempoh dua tahun, berkuat kuasa 20 Mei 2023.

Dalam satu kenyataan hari ini, ia berkata pelantikan ini dibuat bagi menggantikan Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali yang telah tamat tempoh perkhidmatannya.

Khairol, seorang usahawan teknologi memulakan kerjayanya di Jabatan Telekom Malaysia pada tahun 1983 setelah tamat pengajian tinggi.

Beliau kemudiannya menubuhkan KAT Technologies Sdn Bhd pada tahun 1994 dan menjadi Pengerusi Eksekutifnya selepas 14 tahun berkhidmat di pelbagai jawatan di Kumpulan Sapura.

Khairol juga merupakan jurutera profesional bertauliah oleh Lembaga Jurutera Malaysia dan turut memegang jawatan ahli Lembaga Penasihat Digital Perak Corporation Bhd. Beliau pernah memegang beberapa jawatan sebagai lembaga pengarah di beberapa institusi seperti Tabung Amanah Melaka, Institut Sukan Negara dan MAIM Holdings Bhd.

-- BERNAMA